

Jenis Akhbar : MyMetro
Tarikh : 12/12/2021
Edisi / Muka Surat : <https://www.hmetro.com.my/>
Tajuk : *Isu barang makan mahal, Koperasi boleh jadi 'Hero'*

Isu barang makan mahal, Koperasi boleh jadi 'Hero'



Abdul Fattah Abdullah

Putrajaya: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyambut baik cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri supaya gerakan koperasi di negara ini menjual barangan dengan harga murah sekaligus membantu kerajaan menangani isu kos sara hidup.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sebelum ini juga perkara yang sama pernah diusulkan oleh beliau kepada Perdana Menteri.

Beliau berkata, dengan pihaknya sudah ada program seumpama itu yang dinamakan sebagai Program Barangan Asas 100 (BA100) dan mampu membantu kerajaan mencapai hasrat untuk mengurangkan harga barangan keperluan.

"Menerusi program ini, kita sasaran untuk membantu 3.3 juta penduduk B40 daripada jumlah keseluruhan lebih 7 juta ahli koperasi.

"Setakat ini program BA100 berjalan dengan baik dan mendapat sambutan daripada kedai runcit koperasi," katanya tadi.

Terdahulu, Ismail Sabri meminta koperasi di seluruh negara membantu menangani masalah kenaikan harga barang bagi mengurangkan tekanan dan beban kewangan rakyat yang terkesan susulan pandemik Covid-19.

Beliau berkata antara yang boleh dilakukan ialah mewujudkan pemborong khas koperasi untuk membekalkan barangan secara pukal pada harga murah kepada seluruh koperasi, dan manfaat kaedah itu akhirnya dapat turut dinikmati rakyat.

Dalam pada itu, Abdul Fattah berkata, pihaknya turut mendapat beberapa kekangan terutamanya untuk menggunakan sistem digital sepenuhnya di kedai runcit koperasi.

"Kedai koperasi perlu diubah kaedah belian stok daripada pembekal iaitu dari cara manual kepada sistem digital. Perkakasan (hardware) seperti komputer, pencetak dan talian internet, perlu ada bagi memudahkan kedai koperasi mengoptimumkan pengurusan kedai runcit," katanya.

Berikutan itu, pihaknya berharap kerajaan dapat memberi peruntukkan tambahan sebanyak RM10 juta untuk membantu kedai runcit koperasi di seluruh negara bagi menaik taraf kaedah pengurusan jual beli kedai runcit koperasi.

Tambahnya, setakat ini terdapat 1,919 kedai runcit koperasi yang mendaftar dan daripada jumlah itu 448 kedai runcit sudah menggunakan sepenuhnya sistem BA100.

"Sasaran kedai runcit koperasi yang menggunakan sistem ini adalah sebanyak 3,000 dan diunjurkan sebanyak RM7.2 bilion transaksi boleh diperolehi dalam tempoh setahun," katanya.

Disiarkan pada: Disember 12, 2021 @ 6:13pm